




**KEJOHANAN
KBS - FIT WARRIOR
PERINGKAT NEGERI
2019**

FIT MALAYSIA




PENGENALAN KEJOHANAN KBS FIT WARRIOR

1. Sukan kombat telah berkembang dengan pesatnya akhir-akhir ini dengan tertubuhnya beratus kelab di pejabat Pesuruhjaya Sukan dari pelbagai aliran seni bela diri.
2. Kementerian Belia dan Sukan telah terlibat secara langsung dalam pembangunan dan perkembangan sukan kombat dengan mengadakan kejohanan di peringkat zon dan peringkat kebangsaan sejak lebih 15 tahun yang lalu melalui program Seni Mempertahan Diri (SMD), Ultimate Warrior, Muaythai Fit Warrior, Zon Wajadiri sempena Hari Sukan Negara dan lain-lain.
3. Beberapa badan sukan Kombat Peringkat Kebangsaan akan bekerjasama dengan bahagian Pembangunan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan Negara dan Negeri dalam menjayakan program pembangunan sukan kombat melalui Kejohanan Fit Warrior ini.



OBJEKTIF

1. Menerapkan budaya hidup cergas, sihat, dan bersatu dikalangan rakyat Malaysia agar terus cergas dan aktif sepanjang hayat.
 2. Mewujudkan satu rumpun bangsa Malaysia dari pelbagai kaum dan bangsa di dalam disiplin waja diri mampu bersatu demi memperjuangkan martabat Negara dan semangat Malaysia Boleh.
 3. Menyediakan peluang peningkatan pengetahuan dan kemahiran di dalam sukan kombat yang mempunyai disiplin dengan latihan yang tegas selain kepakaran dalam seni membina diri.
 4. Mencungkil bakat seni mempertahankan diri di kalangan belia dan remaja yang boleh diketengahkan sehingga ke peringkat antarabangsa.
- 

PENGANJURAN

1. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor sebagai tuan rumah dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan .
2. Manakala urusan tadbir teknikal diselia dan dilaksanakan dengan kerjasama beberapa badan induk sukan kombat peringkat kebangsaan.
3. Jawatankuasa Pengelola akan dibentuk bagi tujuan penyelarasan program ini.



TARIKH DAN TEMPAT PERLAKSANAAN

1. Program Fit Malaysia yang pertama bagi tahun 2019 akan bertempat di negeri Selangor dan akan dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor.
2. Lokasi Fit Malaysia Selangor 2019 adalah di Dataran Kemerdekaan Negeri Selangor, Shah Alam. Kejohanan Fit Warrior Selangor akan berlangsung di Padang A lokasi yang sama.
3. Alamat penuh lokasi adalah seperti berikut;
 - ❑ Padang A, Dataran Kemerdekaan Negeri Selangor, Persiaran Bandar Raya, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.
4. Kejohanan dua (2) hari ini akan berlangsung pada 23 dan 24 Mac, 2019.



KAEDAH PENYERTAAN

1. Pendaftaran penyertaan adalah secara atas talian (online) melalui laman sesawang Kejohanan KBS Fit Warrior iaitu;
 - <https://kbsfw.rsportz.com/>
2. Penyertaan adalah percuma.
3. Email rasmi Kejohanan adalah;
 - kbsfitwarrior@gmail.com



SYARAT KELAYAKAN ASAS

1. Terbuka kepada semua Warganegara Malaysia.
2. Semua peserta diwajibkan mengemukakan kad pengenalan.



KATEGORI DISIPLIN PERTANDINGAN

1. Empat (4) Disiplin dan (149) kategori pertandingan adalah seperti berikut;
 - a) FIT WARRIOR FULL CONTACT
 - b) FIT WARRIOR LIGHT CONTACT
 - c) FIT WARRIOR FORM RULES
 - d) FIT WARRIOR E-SPORTS
- 

KATEGORI UMUR DAN BERAT PERTANDINGAN

FULL CONTACT / LIGHT CONTACT

1. 8-9 tahun (lelaki dan perempuan) : 20-25kg, 25-30kg, 30-35kg, 35-40kg
2. 10-12 tahun (lelaki dan perempuan) : 30-35kg, 35-40kg, 40-45kg, 45-50kg, 50-55kg, 55-60kg
3. 13-15 tahun (lelaki dan perempuan) : 35-40kg, 40-45kg, 45-50kg, 50-55kg, 55-60kg, 60-65kg
4. 16-17 tahun (lelaki dan perempuan) : 45-50kg, 50-55kg, 55-60kg, 60-65kg, 65-70kg, 70-75kg, 75-80kg
5. 18-45 tahun (lelaki dan wanita) : 45-50, 50-55kg, 55-60kg, 60-65kg, 65-70kg, 70-75kg, 75-80kg, 80-85kg, 85-90kg, 91+

SEKIRANYA BERAT PESERTA TIDAK MENCIUKUPI BERAT MINIMUM MAKA BERAT YANG DIBENARKAN ADALAH KURANG 5KG SAHAJA DARI BERAT MINIMUM YANG DITETAPKAN.

Undang undang Fit Warrior Full Contact

1. Fit Warrior Full Contact;

1. Penyertaan terbuka bagi pelatih-pelatih dari sukan Muaythai, Kickboxing, Sambo, Silat dan mana mana yang berminat bertarung dalam satu gelanggang dalam kategori full contact.
2. Hanya tumbukan dan sepakan secara full contact dibenarkan. Teknik clinching, siku dan lutut tidak dibenarkan. Apa apa teknik lontaran dan kunciian tidak dibenarkan. Teknik sapuan kaki “sweeps” dibawah paras buku lali dibenarkan.
3. Tiga (3) pusingan dan setiap pusingan mengambil masa selama dua (2) minit berlawan dan satu (1) minit rehat.
4. Headgear, body protector, sarung kaki, perlu digunakan dalam kategori ini dan akan disediakan oleh pihak penganjur.
5. Kategori berat yang dipertandingkan seperti dalam slide sebelum ini

Undang Undang Fit Warrior Full Contact (SAMBUNGAN)


1. Fit Warrior Full Contact;

6. Baju / singlet dan seluar pendek/panjang digunakan dalam disiplin full contact.
7. Penyertaan umur dari 17 tahun sehinggalah 45 tahun.
8. Kategori Lelaki dan Wanita dipertandingkan.
9. Pemenang setiap kategori akan menerima pingat Emas, Perak dan Gangsa dari Kementerian Belia Dan Sukan. Selain Sijil Penyertaan dari Jabatan Belia dan Sukan Negeri.
10. Pertandingan akan diadakan diatas ring.
11. Pemberian markah adalah berdasarkan

Good technique and absolute balance, full power and speed, total concentration and not turning away the face during delivery of the technique.

Undang Undang Fit Warrior Light Contact

2. Fit Warrior Light Contact Rules;

1. Penyertaan terbuka bagi pelatih-pelatih dari sukan Taekwondo, Karate, Silat, Kickboxing dan mana-mana yang berminat bertarung dalam satu gelanggang dalam kategori light contact.
 2. Tumbukan dan sepakan secara full contact tidak dibenarkan. Teknik clinching, siku dan lutut tidak dibenarkan. Apa apa teknik lontaran dan kunciian juga tidak dibenarkan. Hanya tumbukan dan sepakan secara light contact dan teknik sapuan kaki “sweeps” dibawah paras buku lali dibenarkan.
 3. Dua (2) pusingan dan setiap pusingan mengambil masa selama Satu (1) minit berlawan dan (1) minit rehat.
 4. Headgear, sarung kaki, perlu digunakan dalam kategori ini dan akan disediakan oleh pihak penganjur.
- 

Undang Undang Fit Warrior Light Contact (samb)

2. Fit Warrior Light Contact Rules;

5. Kategori berat yang dipertandingkan seperti slide sebelum ini
6. Baju / singlet dan seluar panjang digunakan dalam disiplin light contact.
7. Penyertaan umur dari 17 tahun sehingga 45 tahun.
8. Perlawanan diadakan diatas Tatami/Mat.
9. Pemenang setiap kategori akan menerima pingat Emas, Perak dan Gangsa dari Kementerian Belia Dan Sukan. Selain Sijil Penyertaan dari Jabatan Belia dan Sukan Negeri.

10. Kiraan mata adalah seperti dibawah

Punch – 1 point, Kick to body – 1 point, Kick to head – 2 points, Jumping kick to body – 2 points, Jumping kick to head – 3 points

Undang undang Fit Warrior FORM RULES

3. Fit Warrior Form Rules ;

1. Penyertaan terbuka bagi pelatih semua beladiri untuk membuat pattern, seni, teknik seni beladiri masing-masing di atas Tatami/Mat.
2. Boleh menggunakan senjata dan muzik jika diperlukan. Sila bawa CD atau pen/thumb drive lagu masing-masing.
3. Tiada had masa dan boleh menggunakan apa-apa trick/skill atau teknik-teknik gimnastik mahu pun teknik-teknik seni beladiri.
4. Persembahan solo iaitu seorang atlit setiap kali persembahan.
5. Penyertaan Umur dan pemenang dipilih dari dari kategori 7-12 tahun, 13-17 tahun, 18-40 tahun dan 40 tahun keatas tiada had maximum
6. (8 Kategori umur secara keseluruhan bagi Lelaki dan Wanita).

Undang undang Fit Warrior FORM RULES (SAMBUNGAN)

3. Fit Warrior Form Rules ;

6. Pakaian mengikut baju seni beladiri masing-masing atupun baju biasa dan seluar panjang.
7. Pemenang setiap kategori akan menerima pingat Emas, Perak dan Gangsa dari Kementerian Belia Dan Sukan. Selain Sijil Penyertaan dari Jabatan Belia dan Sukan Negeri.



Undang undang Fit Warrior E-Sports

4. Fit Warrior E-Sports;


1. Penyertaan terbuka kepada semua.
2. Tiada kategori lelaki, wanita ataupun remaja dan dewasa. 1 Kategori dan terbuka kepada semua
3. Street Fighter V PS4 akan menjadi game utama.
4. Pemenang akan mendapat pingat dan sijil dari Kementerian Belia Dan Sukan.
5. Bout perlawanan secara kalah mati.



SPEKIFIKASI GELANGGANG

Saiz gelanggang 18 kaki x 18 kaki @ 5.5m x 5.5m
MAT Tatami 20 kaki x 20 kaki

PENGADIL	KETUA PENGADIL	PENJAGA MASA/ LOCENG
----------	-------------------	-------------------------



UNDANG-UNDANG & PERATURAN UMUM

1. Selain kelengkapan protection gear yang disediakan penganjur. Peserta wajib membawa sendiri memakai peralatan keselamatan diri seperti yang dinyatakan dibawah;

- ✓ Groin guard
- ✓ Mouth Guard



UNDANG-UNDANG & PERATURAN UMUM

2. Undian akan dibuat tiga (3) hari sebelum hari Kejohanan bermula bagi menentukan pasangan lawan. Undian adalah secara automatik melalui sistem aplikasi.
3. Timbang berat akan dibuat pada hari pertama Kejohanan. Selain, pemeriksaan medikal peserta. Seandainya gagal, peserta akan dinafikan penyertaan.
4. Setiap peserta mesti berada di tempat perlawanan satu jam sebelum perlawanan dimulakan. Pengurus / pembantu dipertanggungjawabkan untuk memastikan peserta masing-masing dalam keadaan bersedia. Jika peserta gagal naik ke pentas dalam tempoh tiga minit, maka pengadil berkuasa membatalkan perlawanan dan akan memberikan kemenangan percuma kepada peserta yang berada di atas pentas.
5. Peserta yang menang akan ke peringkat seterusnya.

JADUAL PERTANDINGAN

☐ 22 MAC 2019 (PENDAFTARAN AWAL)

8.00 malam – 11.00 malam : - Pendaftaran Peserta
- Pemeriksaan Kesihatan Untuk Peserta / Timbang

☐ HARI PERTAMA – 23 MAC 2019

8.00 pagi – 10.00 pagi : - Pendaftaran Peserta
- Pemeriksaan Kesihatan Untuk Peserta
- Timbang Berat Peserta

10.00 pagi – 11.00 pagi : Taklimat Kepada Pengurus dan Peserta

11.30 pagi – 1.00 petang : Pertandingan bermula

2.00 petang – 7.00 petang : Pertandingan bersambung

7.00 malam – 8.00 malam : Rehat

8.00 malam – 10.00 malam : Pertandingan bersambung


☐ HARI KEDUA – 24 MAC 2019

9.30 pagi – 1.00 petang : Pertandingan bersambung

1.00 petang – 2.00 petang : Rehat

2.00 petang – 7.00 malam : Pertandingan bersambung

KEPUTUSAN

1. Menang dengan pukulan K.O.
 2. Menang dengan kiraan mata.
 3. Menang dengan keputusan doktor.
 4. Segala keputusan pengadil / doktor / AJK penganjur pertandingan adalah muktamad.
 5. Pihak penganjur pertandingan akan menyediakan pengadil-pengadil pengalaman dan diiktiraf oleh pihak berkenaan untuk mengadili perlawanan tersebut.
 6. Pihak penganjur juga menyediakan doktor (pegawai perubatan semasa perlawanan berlangsung dari awal hingga akhir).
- 

JAWATANKUASA PELAKSANA

URUSETIA

Jabatan Belia dan Sukan Negeri

AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL

Persatuan Persatuan Induk Sukan Kombat di Malaysia





TERIMA KASIH

**DISEDIAKAN OLEH:
BAHAGIAN SUKAN
JABATAN BELIA SUKAN NEGARA**

**Maklumat Lanjut sila hubungi (012-2945992)
Email : kbsfitwarrior@gmail.com**